

Malaysia tanggung hantar pulang pendatang Filipina

UM - 1 SEP 2002

Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

SEPADANG 31 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersetuju untuk 'menangguhkan sementara' penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina selepas dirayu oleh Presiden negara jiran itu, Gloria Macapagal Arroyo.

Menurut Perdana Menteri, permintaan tersebut dibuat oleh Arroyo ketika menghubunginya melalui telefon semalam berhubung isu berkenaan.

Katanya, penangguhan itu bagi membolehkan wakil kerajaan Filipina meninjau keadaan rakyat negara itu yang bakal dihantar pulang, selepas beberapa pihak mendakwa Malaysia memberi layanan buruk terhadap mereka.

Bagaimanapun, tegas Dr. Mahathir, penangguhan itu tidak bermakna kerajaan akan menghentikan proses penghantaran pulang pendatang terbabit.

Tegas Perdana Menteri, ini kerana kerajaan telah membuat keputusan bahawa para pendatang tanpa izin mesti

dihantar pulang sebaik sahaja tempoh pengampunan yang diberikan berakhir.

"Sebaik sahaja wakil mereka datang ke sini dan berpuas hati bahawa kita tidak memberi layanan buruk ke atas pendatang, kita akan meneruskan penghantaran pulang mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlumbaan Merdeka Millennium Endurance di Litar F1 Sepang hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada Arroyo ada menghubunginya semalam berhubung layanan Malaysia ke atas pendatang tanpa izin rakyat Filipina.

"Beliau (Arroyo) bertanya saya sama ada boleh ditangguhkan penghantaran pulang rakyatnya. Saya setuju kerana mereka mahu menghantar seseorang untuk melihat (bagaimana para pendatang tanpa izin Filipina dilayan sebelum dihantar pulang).

"Saya kata anda (Arroyo) boleh menghantar seseorang untuk melihat (bagaimana pendatang Filipina dilayan). Tidak ada masalah," katanya.

Semalam sebuah agensi berita asing melaporkan bahawa Arroyo telah menghubungi Dr. Mahathir dan kedua-dua pemimpin bersetuju terhadap beberapa isu penting termasuk berhubung pendatang tanpa izin Filipina di Malaysia.

Perdana Menteri menambah, kerajaan bersetuju membenarkan wakil Filipina melihat keadaan pendatang tersebut kerana sedar kerajaan tiada apa-apa yang hendak disembunyikan berhubung soal layanan tersebut.

Ujar beliau, proses penghantaran pulang itu sebenarnya berjalan dengan baik tanpa ada masalah.

Kata Dr. Mahathir lagi, walaupun terdapat laporan yang mendakwa berlaku layanan buruk terhadap pendatang terbabit, namun apa yang diketahui oleh kerajaan ialah perkara tersebut tidak benar sama sekali.

"Kita layan mereka dengan baik. Mereka telah tinggal di negara kita untuk tempoh yang lama. Mereka juga sakit dan mati di negara ini. Jadi fenomena yang berlaku bukanlah sesuatu yang luar biasa," katanya.

Malah, jelas Perdana Menteri, kerajaan Filipina sendiri tidak membantah proses penghantaran kecuali membangkitkan isu layanan tersebut. Ini kerana menurutnya, kerajaan telah memberi tempoh yang memadai kepada mereka untuk pulang semula ke Filipina.

"Sekarang tempoh itu telah berakhir dan mereka mesti pulang," katanya.

semantara itu, semasa di Litar F1 Sepang, Perdana Menteri sempat meninjau sebuah kereta lama jenis Catalina milik Pengerusi Litar F1 Sepang, Tan Sri Basir Ismail. Ia hampir menyerupai kereta yang pernah dibeli oleh Dr. Mahathir pada tahun 1960-an.

Kata Dr. Mahathir, kereta itu mengembalikannya semula nostalgianya ke atas kereta lamanya.

"Walaupun ini bukan seperti kereta asal saya tetapi saya pernah memiliki kereta seperti ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada kereta lamanya masih ada lagi sekarang kerana kereta jenis Starchief sukar untuk dicari lagi di Malaysia sekarang.